

PAS serah memorandum bantahan ke kedutaan Perancis kerana penghinaan terhadap Islam
Malaysian Insider
26 September, 2012
Oleh Md Izwan

KAULA LUMPUR, 26 Sept — PAS menyerahkan memorandum bantahan berkenaan penyiaran karikatur menghina Nabi Muhammad kepada wakil kedutaan Perancis pagi ini.

Karikatur menghina menghina Muhammad dengan gambar bogel itu telah diterbitkan dalam satu majalah mingguan di Perancis, Charlie Hebdo.

Timbalan presiden PAS Mohamad Sabu serta dua wakil lajnah antarabangsa telah dibenarkan masuk dan menemui wakil kedutaan iaitu Francois-Xavier Reymond (timbalan ketua misi) dan Damien Syed (setiausaha pertama).

Mohamad, yang juga dikenali sebagai Mat Sabu, menyatakan pihaknya telah menerangkan kepada wakil kedutaan mengenai pendirian mereka ke atas penghinaan tersebut dan menggesa kerajaan Perancis mengambil tindakan ke atas pihak terbabit.

"Eropah tidak menghormati umat Islam, bagaimana mereka mahu umat Islam hormati mereka?"

"Kami meluahkan rasa kesal dan kecewa dengan karikatur tersebut dan gesan tindakan diambil ke atas pihak tersebut," kata Mat Sabu.

Mohamad juga menyuarakan kebimbangan akan lahir lebih banyak ekstremis sekiranya negara Eropah dan Amerika Syarikat tidak bertindak pantas menangani isu penghinaan ini.

"Jika mereka membenarkan penghinaan sebegini berlanjutan, saya rasa perkara ini akan lesen kepada ekstremis untuk muncul dan mencetuskan keganasan.

"Kita sudah lihat apa yang berlaku di Libya, Pakistan dan di negara Islam lain. Apabila orang muslim hilang sabar inilah akibatnya dan ia boleh berlaku di mana-mana saja," katanya.

Menurut Mohamad lagi, rakyat di Malaysia menghormati kebebasan bersuara dan kebebasan beragama tetapi kebebasan tersebut tidak harus sampai ke peringkat menghina agama yang dianuti orang lain.

Minggu lalu, ribuan umat Islam membanjiri Kuala Lumpur, mengenyepikan perbezaan ideologi politik mereka demi membantah filem "Innocence of Islam" yang menghina Nabi Muhammad S.A.W sepertimana berlaku dinegara-negara lain.

Bantahan ke atas filem kontroversi tersebut, yang menyebabkan kematian duta besar Amerika Syarikat ke Libya, Christopher Stevens dan tiga orang lagi warga Amerika ketika di konsulat AS di Benghazi.

Filem selama 13 minit dalam bahasa Inggeris itu menghina Nabi Muhammad telah diterbitkan oleh seorang individu menggunakan nama samaran "Sam Bacile", difilemkan di California dan disiarkan di Internet dengan pelbagai tajuk termasuk "Innocence of Muslims".

Klip filem tersebut sudah diposkan di YouTube sejak Julai.

Bagi umat Islam, sebarang gambaran tentang nabi adalah berdosa.

Sebelum ini, karikatur nabi yang disiarkan di Denmark telah menyebabkan protes di seluruh dunia.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-serah-memorandum-bantahan-ke-kedutaan-perancis-kerana-penghinaan-terhadap-islam/>